

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

**JTW 311 - PERAKAUNAN KEWANGAN PERTENGAHAN**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan.

Sila pastikan bahawa anda telah menulis angka giliran dengan betul. Tuliskan angka giliran di setiap kertas jawapan anda.

Keseluruhan soalan dipertuntukkan 100 markah.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

**SOALAN 1**

Berikut adalah penyata pendapatan dan lembaran imbangan (perbandingan) bagi Syarikat Ihsan Berhad.

SYARIKAT IHSAN BERHAD 彭亨益善有限公司 彭亨益善有限公司 PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31/12/2003 DAN 2002		
	2003 (RM'000)	2002 (RM'000)
Jualan bersih	858	803
Kos barang dijual	513	509
Untung kasar	345	294
Perbelanjaan operasi		
Belanja jualan	126	114
Belanja pengurusan	118	123
Jumlah perbelanjaan operasi	244	237
Pendapatan dari operasi	101	57
Perolehan faedah	4	0
Belanja faedah	(24)	(14)
Pendapatan sebelum cukai	81	43
Belanja cukai	(33)	(17)
Pendapatan bersih	48	26

  

SYARIKAT IHSAN BERHAD 彭亨益善有限公司 彭亨益善有限公司 LEMBARAN IMBANGAN PADA 31/12/2003 DAN 2002		
Aset	2003 (RM'000)	2002 (RM'000)
Aset semasa		
Tunai	29	32
Akaun belum terima bersih	114	85
Inventori	113	111
Belanja prabayar	6	8
Jumlah aset semasa	262	236
Pelaburan jangka panjang	18	9
Harta, loji dan peralatan bersih	507	399
Jumlah aset	787	644
Liabiliti		
Liabiliti semasa		
Nota belum bayar	42	27
Akaun belum bayar	73	68
Liabiliti terakru	27	31
Jumlah liabiliti semasa	142	126
Pinjaman jangka panjang	289	198
Jumlah liabiliti	431	324
Ekuiti pemilik		
Saham biasa (RM1.00)	186	186
Perolehan tertahan	170	134
Jumlah ekuiti pemilik	356	320
Jumlah liabiliti dan ekuiti pemilik	787	644

### DIKEHENDAKI

Berdasarkan maklumat di atas, anda dikehendaki mengira 10 nisbah yang disenaraikan di bawah ini. Tunjukkan formula, hasil pengiraan dan jelaskan maksud hasil tersebut.

- (a) Nisbah cepat
- (b) Nisbah semasa
- (c) Pusingganti inventori
- (d) Pusingganti akaun belum terima
- (e) Nisbah hutang
- (f) Nisbah kali faedah terperoleh
- (g) Pulangan atas jualan bersih
- (h) Pulangan atas aset
- (i) Pulangan atas ekuiti saham terutama
- (j) Perolehan sesaham ke atas saham biasa

(30 markah)

### SOALAN 2

Berikut adalah penyata pendapatan dan lembaran imbangan (perbandingan) bagi Syarikat Farah Berhad

SYARIKAT FARAH BERHAD LEMBARAN IMBANGAN PADA 31/12/2003 DAN 2002			
Aset	2003 (RM'000)	2002 (RM'000)	Perubahan Bertambah/Berkurang
Tunai	54	37	+ 17
Akaun belum terima	68	26	+42
Inventori	54	0	+54
Belanja prabayar	4	6	-2
Tanah	45	70	-25
Bangunan	200	200	0
Susut nilai terkumpul bangunan	(21)	(11)	+10
Peralatan	193	68	+125
Susut nilai terkumpul peralatan	(28)	(10)	+18
Jumlah aset	569	386	
Liabiliti dan ekuiti pemilik			
Akaun belum bayar	33	40	-7
Bon belum bayar	110	150	-40
Saham biasa (RM1.00)	220	60	+160
Perolehan tertahan	206	136	+70
Jumlah liabiliti dan ekuiti pemilik	569	386	

SYARIKAT FARAH BERHAD PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31/12/2003		
	(RM'000)	(RM'000)
Pendapatan		890
Kos barang dijual	465	
Belanja operasi	221	
Belanja faedah	12	
Rugi penjualan peralatan	2	700
Pendapatan dari operasi		190
Belanja cukai		(65)
Pendapatan bersih		125

Maklumat tambahan:

- (a) Belanja operasi adalah termasuk belanja susutnilai sebanyak RM33,000.00 dan juga belanja prabayar sebanyak RM2,000.00.
- (b) Tanah telah dijual pada nilai buku secara tunai.
- (c) Dividen tunai sebanyak RM55,000.00 telah dibayar dalam tahun 2003.
- (d) Belanja faedah RM12,000.00 telah dibayar secara tunai.
- (e) Peralatan dengan kos sebanyak RM166,000.00 telah dibeli secara tunai. Peralatan dengan kos RM41,000.00 dan nilai buku RM36,000.00 telah dijual dengan RM34,000.00 secara tunai.
- (f) Bon telah dilunaskan pada nilai buku untuk tunai.
- (g) Saham biasa (RM1.00) telah diterbitkan untuk tunai.

#### DIKEHENDAKI

Berdasarkan maklumat di atas, anda dikehendaki menyediakan penyata aliran tunai dengan menggunakan kaedah tak langsung.

(20 markah)

#### SOALAN 3

Syarikat Imran Berhad telah ditubuhkan di Malaysia pada 1 Januari 2000 dengan modal berdaftar sebanyak RM250,000.00 terdiri daripada 200,000 modal saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu dan 100,000 6% saham terutama bernilai RM0.50 setiap satu. Semua modal saham biasa telah diterbitkan dan dibayar penuh. Sejumlah 60,000 6% saham terutama juga telah diterbitkan dan dibayar penuh.

Tempoh perakaunan syarikat ialah pada 31 Disember, manakala penyata kewangannya diterbitkan kepada awam pada 30 Mac setiap tahun.

Dibawah ialah baki yang ditunjukan di dalam buku Syarikat Imran pada 31 Disember 2003.

	(RM'000)
Bangunan	150
Susutnilai terkumpul bangunan	30
Mesin	30
Susutnilai terkumpul mesin	15
Kenderaan	95
Susutnilai terkumpul kenderaan	19
Rezab am	30
7% debentur	50
Akaun belum bayar	76
Akaun belum terima	80
Inventori akhir	50
Pelaburan jangka panjang	100
Premium saham	3
Pinjaman kepada pekerja	26
Bank	37
Cukai belum bayar	20
Keuntungan semasa sebelum cukai	73
Pendapatan tertahan awal	22

Maklumat berikut belum diambil kira bagi pengiraan baki di atas:

- (a) Susutnilai bangunan disusutnilaikan menggunakan kaedah garislurus sebanyak 5% setahun di atas kos.
- (b) Peruntukan perlu dibuat bagi perkara-perkara berikut
  - (i) Imbuhan kepada pengarah RM2,000
  - (ii) Faedah debentur
- (c) Ahli lembaga pengarah telah memutuskan untuk memindahkan sejumlah RM1,800 daripada pendapatan tetahan ke akaun rezab am.
- (d) Dividen diisyiharkan kepada pemegang saham terutama dan saham biasa. Kadar dividen yang diperuntukkan untuk pemegang saham biasa ialah sebanyak 2%.
- (e) Seorang pelanggan telah memfailkan saman terhadap syarikat pada 15 disember 2003 akibat kegagalan syarikat memenuhi kontrak yang telah dipersetujui. Perbicaraan mahkamah akan dibuat pada bulan Jun 2004. Mengikut pandangan pakar bebas, syarikat hampir pasti akan kalah dalam perbicaraan tersebut dan dianggarkan denda yang akan dikenakan berjumlah RM10,000
- (f) Mendapat notis pemberitahuan daripada Pemegang Amanah Raya memaklumkan bahawa seorang pelangan telah bankrup pada 20 Januari 2004. Amaun hutang pelanggan tersebut ialah RM15,000 (amaun ini adalah material kepada syarikat dan undang-undang Malaysia berkaitan kebankrupan diterima pakai). Pelanggan tersebut adalah termasuk dalam baki akaun belum terima pada 31 Disember 2003.
- (g) Akaun inventori terdiri daripada inventori barang siap bernilai RM20,000, bahan mentah RM20,000 dan kerja dalam proses RM10,000
- (h) Kadar cukai pendapatan bagi tahun 2003 ialah 28%.

### **DIKEHENDAKI**

Berdasarkan maklumat di atas anda dikehendaki:

- Kirakan baki akhir pendapatan tertahan selepas pelarasan bagi tahun berakhir 31 Disember 2003.
- Sediakan lembaran imbalan bagi Syarikat Imran Berhad pada 31 Disember 2003 mengikut format yang ditetapkan.

(30 markah)

### **SOALAN 4**

Anda dikehendaki menjelaskan secara ringkas berserta contoh yang sesuai bagi 10 istilah yang disenaraikan di bawah ini.

- (a) Dividen interim
- (b) Opsyen saham
- (c) Perbelanjaan hasil
- (d) Perbelanjaan modal
- (e) Terbitan bonus
- (f) Sekuriti boleh pasar
- (g) Terbitan hak
- (h) Bon
- (i) Waran
- (j) Aset tak ketara

(20 markah)